

Pengetahuan dan Amalan Perlindungan Pengguna *Facebook* Wanita Terhadap Penipuan Cinta di Malaysia

NORAZLINA ZAINAL ABIDIN
MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN
AZIANURA HANI SHAARI
Universiti Kebangsaan Malaysia

NORAZURA DIN
SARAVANAN RAMASAMY
Polis Diraja Malaysia

ABSTRAK

Penipuan cinta dalam talian atau *love scam* merupakan satu bentuk jenayah komersial iaitu penjenayah menjalinkan hubungan cinta palsu dengan wanita demi menipu dan mengaut keuntungan daripada mangsa dalam bentuk wang atau seksual. Pelbagai medium siber digunakan oleh penjenayah untuk mendekati mangsa sasaran; dan media sosial seperti *Facebook* merupakan salah satu platform yang sering digunakan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dalam kalangan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Seramai 609 pengguna *Facebook* wanita di Malaysia telah direkrut dalam kajian ini dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Analisis setiap item untuk domain pengetahuan dan amalan perlindungan menunjukkan wujudnya kepelbagaian respon daripada kalangan responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan wanita mempunyai tahap pengetahuan dan amalan perlindungan yang tinggi terhadap jenayah penipuan cinta. Analisis korelasi Pearson juga menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan ($r = 0.30$, $p < 0.05$) antara pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta. Ujian perbandingan skor min tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta mendapati bahawa tidak ada perbezaan signifikan berdasarkan wanita yang pernah dan tidak pernah menjadi mangsa penipuan cinta sebelum ini tetapi didapati berbeza berdasarkan sejarah rakan, kenalan atau ahli keluarga yang pernah menjadi mangsa dengan tidak pernah menjadi mangsa dalam penipuan cinta sebelum ini. Dapatan kajian ini mampu menjadi satu aras tanda bagi mengukur dan memantau tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dalam kalangan pengguna media sosial wanita di Malaysia.

Kata kunci: *Penipuan cinta, pengetahuan, amalan perlindungan, pengguna Facebook wanita, media sosial.*

Knowledge and Protective Practice Towards Love Scam Among Female Facebook Users in Malaysia

ABSTRACT

Love scam or online love traps are commercial crimes where criminals establish false-love relationships with women to deceive them in terms of monetary and sexual gains. Criminals used various cyber platforms to approach the potential victims; and social media like Facebook is one of the most frequently used platforms. This study was conducted to assess the knowledge and

protective practice of love scam among female Facebook users in Malaysia. This study employed a quantitative approach as a survey method by distributing questionnaires. A total of 609 female Facebook users in Malaysia were recruited in this study using a purposive sampling technique. The analysis of each item for the knowledge and practice domains indicates the diversity of responses among respondents. The findings also showed that majority of the respondents have high levels of knowledge and protective practice towards love scams. Pearson correlation analysis also showed a positive and significant relationship ($r = 0.30$, $p < 0.05$) between domains of knowledge and protective practice towards love scams. The comparison test of the mean score of knowledge and protective practice of love scam found that there were no significant differences based on respondents' history of being a love scam's victim but was found to be significantly different based on the history of friends, acquaintances or family members being the victims of love scam. The findings of this study can be a baseline to measure and monitor the level of knowledge and protective practice of love scam among female social media users in Malaysia.

Keywords: *Love scam, knowledge, protective practice, female Facebook users, social media.*

PENGENALAN

Kecanggihan teknologi dan Internet yang ada pada hari ini sememangnya membawa seribu satu kebaikan yang tidak dapat disangkal lagi kepada kehidupan manusia sejagat. Pelbagai medium komunikasi seperti media sosial dianggap sebagai salah satu tanda perkembangan teknologi maklumat dan Internet (Ali Salman & Siti Minanda Pulungan, 2017). Memang tidak boleh menafikan bahawa rangkaian laman sosial banyak memberi kesan baik terhadap pengguna terutamanya dari segi peningkatan komunikasi (Natascha Zeitel-Bank & Ute Tat, 2014) iaitu membolehkan para pengguna media sosial untuk membina dan meneruskan perhubungan baru dengan individu dari seluruh dunia (Ali Salman & Siti Minanda Pulungan, 2017).

Menurut Saodah Wok et al. (2016), perkembangan teknologi dan Internet termasuk media sosial juga membawa suatu peradaban baru dalam konteks komunikasi dan maklumat dalam kehidupan manusia. Walaupun pelbagai kesan positif diutarakan, seringkali kemudahan media sosial yang ada disalahgunakan oleh individu yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan diri sendiri. Jika dilihat pada jenayah yang berlaku dasawarsa ini, ia tidak sahaja dilakukan secara terang-terangan seperti rompak dan samun malah juga melalui alam siber atau secara dalam talian yang dipanggil sebagai 'jenayah dan penipuan siber' iaitu menggunakan teknologi komputer dan Internet termasuk media sosial. Antara penipuan siber yang berleluasa pada hari ini ialah penipuan cinta atau juga dikenali sebagai *love scam*. Penipuan cinta merupakan satu bentuk penipuan baru yang mula dilaporkan berlaku pada tahun 2008 (Whitty & Buchanan, 2015). Penipuan cinta adalah situasi apabila penjenayah berpura-pura menjalinkan hubungan cinta dengan membuat pemalsuan profil dalam akaun laman sosial dengan menggunakan gambar curi dan mereka mencipta identiti baru dengan niat memperdayakan mangsa dari segi kewangan atau seksual (Whitty & Buchanan, 2015).

Banyak laporan mengenai penipuan cinta telah dibuat yang melibatkan kerugian wang yang sangat banyak oleh mangsa dari seluruh dunia. Laporan *The Conversation* bertarikh 11 Disember 2014 menyatakan bahawa kerugian yang dilaporkan oleh mangsa penipuan cinta di Australia adalah melebihi A\$23 juta pada tahun 2011 iaitu secara puratanya seorang mangsa mengalami kerugian bernilai A\$21,000. Kerugian ini merupakan tiga kali ganda lebih besar daripada jenis penipuan lain. Di Amerika Syarikat pula, *Internet Crime Complaint*

Center (2012) mendedahkan bahawa penipuan cinta berada pada kedudukan teratas dalam carta lima tertinggi penipuan Internet yang dilaporkan pada tahun 2011, dengan lebih 5,600 aduan. Di Malaysia, jika dilihat berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penyiasat Bahagian Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, ASP Mohd Syafiq Jiuin Abdullah, menerusi Astro Awani pada 14 September 2016, sebanyak 5,456 kes yang melibatkan kerugian lebih RM215 juta telah direkodkan sejak tahun 2013 hingga Ogos tahun 2016. Angka ini cukup untuk menggambarkan betapa banyaknya kes jenayah penipuan cinta berlaku di Malaysia dan juga jumlah kerugian yang dialami.

Jenayah penipuan cinta dalam talian ini bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Namun begitu, kajian yang berterusan masih diperlukan untuk memberi gambaran lengkap dan menyeluruh bagi membantu pihak berkuasa menangani permasalahan ini. Penelitian kajian lepas tentang penipuan cinta mendapati kajian tentang pengetahuan dan amalan perlindungan tentang jenayah ini masih belum dijalankan dalam kalangan rakyat Malaysia walaupun banyak insiden penipuan cinta telah berlaku di Malaysia. Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah yang dibincangkan, kajian ini bermatlamat mengkaji tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dalam kalangan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga bermatlamat mencari hubungan antara pengetahuan dan amalan perlindungan serta mengenalpasti perbezaan tahap pengetahuan dan amalan perlindungan berdasarkan rekod menjadi mangsa penipuan cinta.

Wanita menjadi fokus dalam kajian ini disebabkan kekerapan wanita menjadi mangsa dalam penipuan cinta berbanding kaum lelaki (Azianura Hani, Yeap Yoke Peng & Mohammad Rahim, 2018). Laporan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia (2017) menunjukkan bahawa jumlah kes melibatkan mangsa wanita mencatatkan bilangan wanita yang jauh lebih tinggi (iaitu sebanyak 4434 kes) berbanding jumlah kes yang melibatkan mangsa lelaki (1230 kes) untuk tempoh tiga tahun (2015 hingga 2017). Maka, kajian ini penting dilakukan dalam kalangan wanita Malaysia dan dapatan yang dijana melalui kajian ini mampu dijadikan tanda aras dalam memahami pengetahuan dan amalan perlindungan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia terhadap jenayah penipuan cinta. Dengan mengenalpasti tahap pengetahuan dan juga amalan perlindungan, pelbagai langkah proaktif dan juga reaktif boleh diambil oleh pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk melindungi wanita di Malaysia daripada menjadi mangsa penipuan cinta.

MODUS OPERANDI PENIPUAN CINTA

Dalam konteks modus operandi, jenayah ini tidak beroperasi secara bersendirian tetapi secara berkumpulan iaitu di bawah sindiket yang sistematik. Berdasarkan profil mangsa, anggota sindiket dilihat tidak mempunyai spesifikasi tertentu dalam pemilihan mangsa, sebaliknya memilih individu secara rambang di alam maya untuk dijadikan mangsa (Astro Awani, 2016). Apa yang dianggap pelik dalam penipuan cinta adalah mangsa bukan sahaja dari golongan bukan berpendidikan malah ada juga mangsa yang berlatarbelakangkan pendidikan tinggi dan mempunyai pekerjaan profesional seperti doktor, peguam, guru, pensyarah, pegawai bank serta ahli perniagaan. Jenayah yang tidak mengecualikan wanita berkerjaya profesional ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat dan juga menimbulkan pelbagai persoalan tentang faktor berlakunya jenayah penipuan ini.

Menurut Sternberg (1995), penjenayah penipuan cinta ini biasanya akan mengkaji personaliti mangsa dan memilih satu senario romantik yang bersesuaian dengan kemahuan dan corak pemikiran mangsa. Senario romantik yang dibina akan berkembang mengikut situasi dan respons yang diberikan oleh mangsa. Kemahiran yang sama juga biasanya digunakan untuk menjayakan sesuatu hubungan dalam talian. Penjenayah biasanya sangat kreatif dalam mencipta watak dan membina profil dengan menggambarkan diri mereka seperti seorang profesional serta menggunakan gambar profil palsu yang dicuri dari Internet (Sternberg, 1995).

Menerusi portal rasmi Polis Diraja Malaysia (2017), modus operandi sindiket ini adalah secara berperingkat iaitu sindiket akan berkenalan dengan mangsa melalui e-mel, *Facebook*, *Twitter* dan media sosial lain. Seterusnya, suspek akan menggunakan kata-kata manis, janji palsu dan panggilan manja bagi menawan hati mangsa. Selepas itu, suspek akan cuba mengeratkan hubungan dengan mangsa melalui perbualan telefon atau chatting. Seterusnya, setelah mangsa terjerat dengan cinta suspek, suspek mula menagih simpati dari mangsa dan meminta pelbagai pertolongan kewangan daripada mangsa. Mangsa yang terpedaya akan memasukkan wang ke dalam akaun suspek dan setelah sejumlah wang dimasukkan, suspek akan terus menghilangkan diri dan akan menyahaktifkan akaun media sosialnya. Menurut Couch et al. (2012), suspek akan meminta wang daripada mangsa dengan menggunakan pelbagai alasan seperti pengurusan pengkebumian ibu bapa, urusan pasport dan visa serta yang berkaitan dengannya demi mendapatkan simpati daripada mangsa.

FAKTOR PENYEBAB PENIPUAN CINTA

Terdapat pelbagai aspek yang boleh dikaitkan dengan faktor berlakunya penipuan cinta dan jenayah penipuan ini juga dianggap semakin menjadi-jadi dan lebih ramai sindiket terlibat dalam jenayah ini dari semasa ke semasa. Antara faktornya adalah tahap penggunaan Internet dan media sosial yang semakin tinggi dalam kalangan rakyat menjadikan lebih ramai wanita sebagai sasaran, identiti penjenayah yang boleh dirahsiakan (*anonymity*) menjadikan sindiket lebih berani untuk melakukan penipuan, penjenayah juga dikatakan boleh melakukan jenayah ini secara serentak dan merentasi dunia (transnasional), keuntungan yang berlipat ganda serta banyak lagi (Azianura Hani Shaari, Yeap Yoke Peng & Mohammad Rahim Kamaluddin, 2018).

Walaupun pelbagai faktor dikaitkan dengan kekerapan insiden jenayah ini, faktor sendiri seperti kurangnya pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap jenayah sebegini sering dilihat sebagai salah satu faktor utama kenapa seseorang individu mudah terperangkap dalam jenayah penipuan cinta ini. Pengetahuan dan amalan perlindungan yang tinggi tentang penipuan cinta mampu menyediakan seseorang individu untuk lebih berhati-hati apabila berbual dengan individu yang tidak dikenali dalam alam siber. Tambahan pula, pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap sesuatu jenayah juga dianggap sebagai satu bentuk pencegahan jenayah secara proaktif yang mampu menghindari seseorang daripada menjadi mangsa jenayah. Berdasarkan perincian kajian lepas, tiga hipotesis kajian telah dibangunkan bagi objektif yang melibatkan analisis inferensi.

Hipotesis 1: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan amalan perlindungan pengguna Facebook wanita terhadap penipuan cinta

- Hipotesis 2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan amalan perlindungan berdasarkan sejarah menjadi mangsa penipuan cinta
- Hipotesis 3: Terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan amalan perlindungan berdasarkan sejarah ahli keluarga/kenalan/rakan menjadi mangsa penipuan cinta

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif iaitu kajian tinjauan atau survei. Bilangan responden seramai 609 pengguna *Facebook* wanita yang berumur dalam lingkungan 19 tahun hingga 50 tahun dari seluruh Malaysia menyertai kajian tinjauan ini. Para responden direkrut dengan menggunakan teknik persampelan bukan rawak iaitu persampelan bertujuan berdasarkan beberapa kriteria pemilihan yang telah ditetapkan oleh para penyelidik. Antara kriteria pemilihan yang ditetapkan adalah wanita yang mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun media sosial *Facebook* yang aktif untuk tempoh enam bulan yang lepas.

Dalam kajian ini, satu alat soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik telah digunapakai. Terdapat dua bahagian utama dalam alat soal selidik ini iaitu bahagian pertama adalah demografi dan bahagian kedua pula disertakan dengan dua instrumen yang mengukur domain pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta. Dalam bahagian demografi, beberapa aspek penting seperti umur, status perkahwinan, status pendidikan, jenis pekerjaan, penggunaan *Facebook* serta sejarah menjadi mangsa penipuan cinta ditanyakan kepada responden.

Dalam bahagian kedua pula, dua instrumen yang telah dibangunkan oleh penyelidik disertakan iaitu (i) Instrumen Pengetahuan terhadap Penipuan Cinta dan (ii) Instrumen Amalan perlindungan terhadap Penipuan Cinta. Kedua-dua instrumen ini telah dibangunkan berdasarkan sorotan literatur dan pengalaman penyelidik dalam bidang kriminologi dan juga pengendalian jenayah penipuan cinta, dengan Instrumen Pengetahuan terhadap Penipuan cinta mempunyai 17 item (15 item positif dan 2 item negatif) manakala Instrumen Amalan Perlindungan terhadap Penipuan cinta pula mempunyai 23 item positif. Selepas pembangunan item dalam bentuk skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = setuju, 5 = sangat setuju), kedua-dua instrumen telah menjalani beberapa ujian keesahan dan juga kebolehpercayaan.

Antara ujian keesahan yang telah dilalui oleh kedua-dua instrumen ini ialah ujian keesahan muka dan kandungan. Untuk ujian keesahan muka, tahap bahasa yang digunapakai dalam instrumen ini telah diuji dalam kalangan 20 responden (Dharmalingam et al., 2016; Mohammad Rahim Kamaluddin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman, 2017; Mohammad Rahim et al., 2013a; 2013b; 2013c; 2017) dari pelbagai latar belakang sosiodemografi manakala keesahan kandungan telah dilakukan oleh dua pakar dari bidang kriminologi (Mohammad Rahim Kamaluddin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman, 2017) dan juga kepolisan. Secara umumnya, kedua-dua keputusan ujian keesahan menunjukkan kedua-dua instrumen adalah sah dalam mengukur domain pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta.

Dari segi kebolehpercayaan alat ujian, kedua-dua instrumen ini diedarkan kepada 50 responden demi mengukur tahap ketekalan dalaman. Analisis ketekalan dalaman untuk kedua-dua instrumen ini berdasarkan metod Alfa Cronbach mendapati Instrumen Pengetahuan terhadap Penipuan Cinta menunjukkan nilai ketekalan dalaman sebanyak 0.79

manakala nilai ketekalan dalaman bagi Instrumen Amalan Perlindungan terhadap Penipuan Cinta adalah 0.87 iaitu kedua-dua instrumen ini boleh dianggap sebagai alat ujian yang boleh dipercayai dalam mengukur domain masing-masing (Mohammad Rahim et al. 2018; Sekaran & Bougie, 2010).

Selepas pengumpulan data dalam kalangan 609 responden, data telah dimasukkan dalam perisian IBM SPSS Statistics versi 23 untuk analisis deksriptif dan juga inferensi. Analisis deksriptif digunakan untuk menganalisis setiap item dalam domain pengetahuan dan amalan perlindungan serta mengenalpasti tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dalam kalangan responden. Penentuan tahap pengetahuan dan juga amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dibuat berdasarkan carta yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006) (dalam Syed Najmuddin et al., 2009) yang melibatkan tahap iaitu lemah, rendah, sederhana dan tinggi seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Penentuan tahap berdasarkan skor min.

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 1.99	Lemah
2.00 – 2.99	Rendah
3.00 – 3.99	Sederhana
4.00 – 5.00	Tinggi

Sumber: Norasmah (2001) dan Azhar (2006).

Manakala analisis inferensi digunakan untuk menguji tiga hipotesis yang telah dibangunkan dalam kajian ini iaitu: (i) terdapat hubungan signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap amalan perlindungan terhadap penipuan cinta, (ii) terdapat perbezaan signifikan dalam tahap pengetahuan dengan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta berdasarkan sejarah menjadi mangsa penipuan cinta, dan (iii) terdapat perbezaan signifikan dalam tahap pengetahuan dengan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta berdasarkan sejarah ahli keluarga/kenalan/rakan menjadi mangsa penipuan cinta.

Berdasarkan hipotesis yang diutarakan di atas, analisis korelasi Pearson digunakan bagi mengenalpasti hubungan antara domain pengetahuan dengan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta manakala analisis ujian T bebas pula digunakan bagi mengetahui perbezaan tahap pengetahuan dengan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta berdasarkan sejarah diri atau ahli keluarga/kenalan/rakan menjadi mangsa penipuan cinta.

HASIL KAJIAN

Profil Demografi Pengguna Facebook Wanita

Jadual 1 menunjukkan profil demografi bagi responden kajian yang terdiri daripada 609 pengguna *Facebook* wanita berumur lingkungan 19 hingga 50 tahun dari seluruh Malaysia. Responden berumur 19 hingga 26 paling ramai terlibat dalam kajian iaitu seramai 332 orang (54.5%). Kebanyakan responden adalah Melayu ($n = 299$) dan India ($n = 285$) dan masih bujang ($n = 427$). Kebanyakan responden mempunyai 3 hingga 4 jenis media sosial (60.9%) dan seramai 302 responden menyatakan mereka kerap kali menggunakan media sosial (49.6%), sangat kerap seramai 242 orang (39.7%), kadang-kadang penggunaannya 59 orang

(9.7%) dan hanya 6 orang (1.0%) menyatakan mereka jarang-jarang menggunakan media sosial.

Jadual 2: Maklumat demografi dan profil media sosial responden (n = 609).

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Umur	19 hingga 26 tahun	332	54.5
	27 hingga 34 tahun	197	32.4
	35 hingga 42 tahun	75	12.3
	43 hingga 50 tahun	5	0.8
Etnik	Melayu	299	49.1
	India	285	46.8
	Cina	9	1.5
	Lain-lain	16	2.6
Agama	Islam	329	54.0
	Hindu	241	39.6
	Buddha	13	2.1
	Kristian	22	3.6
	Lain-lain	4	0.7
Status perkahwinan	Bujang	427	70.1
	Sudah Berkahwin	164	26.9
	Sudah bercerai / kematian suami	18	3.0
Tahap pendidikan	SPM	47	7.7
	Matriks/Diploma/Pra-Uni	150	24.6
	Ijazah Sarjana Muda	334	54.8
	Ijazah Sarjana (Master)	67	11.0
	PhD	11	1.8
Bilangan media sosial yang dimiliki termasuk Facebook	1 hingga 2	202	33.2
	3 hingga 4	371	60.9
	5 hingga 6	36	5.9
Kekerapan penggunaan media sosial	Jarang-jarang	6	1.0
	Kadang-kadang	59	9.7
	Kerap kali	302	49.6
	Sangat kerap	242	39.7

Tahap Pengetahuan dan Amalan Perlindungan Terhadap Penipuan Cinta

Secara keseluruhan, skor min bagi domain pengetahuan terhadap penipuan cinta adalah 71.69 (SP = 7.12) iaitu skor maksimum adalah 85.0 dan skor minimum adalah 46.0. Manakala, skor min bagi domain amalan perlindungan terhadap penipuan cinta pula adalah 104.45 dengan nilai sisihan piawai adalah 9.10. Skor maksimum yang dicapai untuk domain amalan perlindungan adalah 115.0 dan skor minimumnya adalah 70.0.

Bagi menentukan tahap domain pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta, jumlah skor untuk setiap domain dibahagikan dengan bilangan item agar purata skor dapat dibandingkan seperti yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006) (rujuk Jadual 1). Dapatan kajian mendapati seramai 6 responden (0.99%) berada di tahap rendah, 143 responden (23.48%) berada di tahap sederhana dan yang paling ramai berada di tahap tinggi iaitu 460 responden (75.53%) bagi domain pengetahuan terhadap penipuan cinta. Jadual 3 menunjukkan tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dalam kalangan 609 pengguna Facebook wanita.

Jadual 3: Tahap pengetahuan dan amalan perlindungan berdasarkan kekerapan (n=609).

Tahap	Pengetahuan		Amalan perlindungan	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Lemah	0	0	0	0
Rendah	6	0.99	0	0
Sederhana	143	23.48	63	10.34
Tinggi	460	75.53	546	89.66

Bagi tahap amalan perlindungan terhadap penipuan cinta pula, sebanyak 546 daripada 609 responden (89.66%) mempunyai tahap amalan perlindungan yang tinggi manakala seramai 63 responden (10.34%) mempunyai tahap amalan perlindungan yang sederhana. Tiada di antara mereka yang berada di tahap lemah dan rendah untuk domain amalan perlindungan terhadap penipuan cinta. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden mempunyai tahap pengetahuan dan amalan perlindungan yang tinggi terhadap penipuan cinta.

ANALISIS DEKRIPTIF

Analisis Item Domain Pengetahuan terhadap Penipuan Cinta

Analisis deksriptif terhadap item dalam domain pengetahuan terhadap penipuan cinta (Jadual 4 dirujuk) menunjukkan nilai min item berada dalam lingkungan 3.62 hingga 4.68. Item 1 iaitu "Penipuan cinta merupakan suatu bentuk jenayah siber" menunjukkan skor min yang paling tinggi (min = 4.68, S.P = 0.59) dalam kalangan responden dan ini diikuti item 12 iaitu "Penipuan cinta memberi kesan negatif kepada emosi mangsa" dengan skor min sebanyak 4.62 (S.P = 0.67). Item yang menunjukkan tahap pengetahuan yang paling rendah adalah item 9 iaitu "Kebanyakan penjenayah penipuan cinta terdiri daripada warganegara asing" iaitu ramai responden menjawab tidak pasti (29.4%) untuk item ini yang membawa nilai min terendah iaitu 3.62 (S.P = 1.08). Item 5 "Malaysia merupakan negara bebas penipuan cinta" juga mencatatkan skor min yang kedua terendah iaitu nilai min sebanyak 3.71 (S.P = 1.22). Jadual 4 di bawah memaparkan taburan kekerapan skor min untuk setiap item dalam domain pengetahuan terhadap penipuan cinta mengikut tertib menurun (dari skor min tertinggi ke terendah).

Jadual 4: Taburan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi item-item dalam domain pengetahuan terhadap penipuan cinta (n = 609).

Item Pengetahuan terhadap penipuan cinta	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min*	SP
1. Penipuan cinta merupakan suatu jenayah siber	0.2	0.3	4.3	22.0	73.0	4.68	0.59
2. Penipuan cinta memberi kesan negatif kepada emosi mangsa.	1.0	0.2	4.4	24.8	69.6	4.62	0.67
3. Penjenayah membuat pemalsuan profil di laman sosial <i>Facebook</i> .	0.3	1.3	6.4	30.9	61.1	4.51	0.70
4. Penipuan cinta banyak berlaku dalam kalangan pengguna media sosial terutama <i>Facebook</i> .	1.1	1.1	8.4	29.7	59.6	4.45	0.79

5. Mangsa penipuan cinta kebanyakannya adalah wanita.	0.2	3.8	9.7	26.9	59.4	4.42	0.83
6. Penjenayah akan menipu mangsa dengan menonjolkan mereka sebagai teman cinta sejati yang sempurna.	1.0	0.3	8.2	37.4	53.0	4.41	0.74
7. Penipuan cinta menyebabkan kerugian wang ringgit kepada mangsa.	0.7	1.0	13.5	27.6	57.3	4.40	0.81
8. Penjenayah akan menggoda mangsa serta menyatakan keinginan untuk berkahwin sebelum mangsa menyerahkan sejumlah wang.	1.1	1.1	13.3	38.6	45.8	4.27	0.82
9. Penipuan cinta menyebabkan mangsa mengalami tekanan sehingga mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri.	1.0	1.3	18.9	33.2	45.6	4.21	0.86
10. Jenayah ini boleh berlaku dalam waktu atau perkenalan yang singkat.	0.5	1.8	14.4	42.7	40.6	4.21	0.79
11. Penipuan cinta sering terjadi kepada wanita yang kesunyian.	1.5	4.6	17.1	33.7	43.2	4.12	0.95
12. Penjenayah melakukan penipuan cinta secara berkumpulan (sindiket)	0.2	0.8	28.1	30.9	40.1	4.10	0.85
13. Hanya wanita yang tidak berpendidikan sahaja yang menjadi mangsa penipuan cinta.	3.3	4.6	15.8	37.1	39.2	4.04	1.01
14. Wanita yang mempunyai masalah rumah tangga cenderung untuk menjadi mangsa penipuan cinta.	1.5	5.1	22.2	37.3	34.0	3.97	0.95
15. Terdapat penjenayah yang memeras ugut mangsa supaya memberikan wang kepadanya.	1.6	3.9	24.3	39.6	30.5	3.93	0.92
16. Malaysia merupakan negara bebas penipuan cinta.	7.7	6.7	25.9	25.6	34.0	3.71	1.22
17. Kebanyakan penjenayah penipua cinta terdiri daripada warganegara asing.	2.8	13.0	29.4	29.2	25.6	3.62	1.08

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, S = Setuju, SS = Sangat Setuju, SP = Sisihan Piawai dan *Skala 1-5 (Sangat tidak setuju – sangat setuju)

Analisis item untuk domain amalan perlindungan terhadap penipuan cinta pula mencatatkan skor min dalam lingkungan 3.55 hingga 4.93 dalam skala Likert lima mata bermula daripada sangat tidak setuju (1) hingga sangat setuju (5). Skor tertinggi (min = 4.93, S.P = 0.31) dilihat pada item 18 (saya tidak akan memberikan maklumat tentang akaun bank dan yang berkaitan kepada individu yang baru dikenali di *Facebook*) yang menunjukkan hampir kesemua (93.6%) pengguna *Facebook* wanita di Malaysia sangat bersetuju dengan item tersebut. Begitu juga bagi item 15 yang menyatakan mereka tidak akan sesekali meminjamkan/memberi wang kepada individu yang baru/tidak dikenali dalam *Facebook* dengan peratus Sangat Setuju sebanyak 85.9% dan nilai min pula adalah 4.83 (S.P = 0.47).

Min skor terendah pula dilihat pada item 22 dengan min skor 3.55 (S.P = 1.14) iaitu kebanyakan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia tidak pasti sama ada mereka sentiasa mengikuti berita tentang penipuan cinta di Malaysia atau tidak. Hanya 25.0% responden sahaja memberitahu bahawa mereka sangat setuju dengan amalan perlindungan mengikuti

berita penipuan cinta di Malaysia. Item 8 iaitu “Saya memberitahu ahli keluarga atau rakan terdekat tentang individu yang mencurigakan di laman sosial *Facebook*” juga mencatatkan nilai skor min terendah iaitu 3.93 iaitu hanya 67.5 % menandakan Setuju dan Sangat Setuju untuk item ini dan baki lebih kurang 32.5% tidak mengamalkan perkara ini. Analisis item bagi domain amalan perlindungan terhadap penipuan cinta ditunjukkan dalam Jadual 5 mengikut tertib menurun iaitu item disusun dari skor min tertinggi ke terendah.

Jadual 5: Taburan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi item dalam domain amalan perlindungan yang dilakukan dalam melindungi diri daripada terlibat dengan penipuan cinta (n = 609).

Item dimensi Amalan perlindungan terhadap penipuan cinta	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min*	SP
1. Saya tidak akan memberikan maklumat tentang akaun bank dan yang berkaitan kepada individu yang baru dikenali di <i>Facebook</i> .	0.2	0.0	0.3	5.9	93.6	4.93	0.31
2. Saya tidak akan sesekali meminjamkan/memberi wang kepada individu yang baru/tidak dikenali.	0.3	0.3	1.1	12.3	85.9	4.83	0.47
3. Saya tidak mudah mempercayai kata-kata manis seperti cinta dan rindu oleh lelaki yang baru dikenali.	0.3	0.7	2.3	13.6	83.1	4.78	0.54
4. Saya akan menyemak profil friend request sebelum menerimanya.	0.7	0.7	1.3	14.6	82.8	4.78	0.56
5. Saya tidak berkongsi maklumat peribadi dengan orang yang tidak dikenali.	1.1	0.2	2.3	14.3	82.1	4.76	0.61
6. Saya sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk melindungi diri daripada menjadi mangsa penipuan cinta.	0.0	0.2	3.0	18.6	78.3	4.75	0.51
7. Saya tidak akan meneruskan perhubungan di media sosial (<i>Facebook</i>) dengan individu yang saya rasa mencurigakan.	0.3	0.3	2.0	19.7	77.7	4.74	0.54
8. Saya tidak akan berkongsi gambar peribadi saya dengan individu yang baru dikenali di <i>Facebook</i> .	0.3	0.7	4.9	14.3	79.8	4.73	0.61
9. Saya sentiasa berhati-hati dalam berkongsi maklumat di <i>Facebook</i> .	0.2	0.7	3.0	19.5	76.7	4.71	0.57
10. Saya sentiasa berhati-hati sebelum menerima friend request di <i>Facebook</i> .	0.7	0.8	4.1	19.5	74.9	4.67	0.66
11. Saya akan menyekat (<i>block</i>) individu yang saya rasa mencurigakan di <i>Facebook</i> .	1.5	0.8	5.4	15.8	76.5	4.65	0.75
12. Saya tidak mudah mempercayai cerita sedih individu yang baru/tidak dikenali.	0.3	2.0	5.3	19.2	73.2	4.63	0.70
13. Saya tidak akan membuka link atau attachment yang dihantar oleh individu yang tidak dikenali.	1.1	1.5	8.0	16.1	73.2	4.59	0.79
14. Saya akan berasa curiga terhadap individu baru dikenali yang cuba untuk menjadi rapat.	0.7	1.0	6.1	25.0	67.3	4.57	0.71
15. Saya mengubah tetapan (<i>setting</i>) di <i>Facebook</i> agar hanya rakan sahaja boleh melihat post atau gambar saya di <i>Facebook</i> .	1.6	3.3	5.7	17.4	71.9	4.55	0.87
16. Saya sentiasa menyemak mutual friend di akaun <i>Facebook</i> sebelum menerima seseorang individu sebagai rakan <i>Facebook</i> .	1.5	2.0	5.7	20.7	70.1	4.55	0.81

17. Saya tidak membalas chat dari lelaki yang tidak dikenali.	0.5	4.6	6.9	16.9	71.1	4.53	0.85
18. Saya hanya akan menerima friend request yang saya kenali sahaja.	0.8	4.4	8.7	20.7	65.4	4.45	0.88
19. Hanya individu yang dikenali dan dipercayai sahaja menjadi rakan <i>Facebook</i> saya.	1.6	4.3	9.2	25.3	59.6	4.37	0.93
20. Saya tidak akan balas mesej dari orang yang tidak dikenali.	1.1	6.4	13.0	21.8	57.6	4.28	0.99
21. Hanya individu yang menjadi rakan di <i>Facebook</i> boleh mengetahui segala maklumat mengenai saya di akaun <i>Facebook</i> .	5.1	9.4	10.3	21.8	53.4	4.09	1.21
22. Saya memberitahu keluarga atau rakan terdekat tentang individu yang mencurigakan di laman sosial <i>Facebook</i> .	3.4	9.9	19.2	25.1	42.4	3.93	1.15
23. Saya sentiasa mengikuti berita-berita tentang penipuan cinta di Malaysia.	4.6	13.8	28.9	27.8	25.0	3.55	1.14

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, S = Setuju, SS = Sangat Setuju, SP = Sisihan Piawai dan *Skala 1-5 (Sangat Tidak Setuju – Sangat Setuju)

HASIL ANALISIS INFERENSI

Hipotesis 1

Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan amalan perlindungan pengguna *Facebook* wanita terhadap penipuan cinta. Analisis inferensi dijalankan untuk mengkaji hubungan antara pengetahuan dan amalan perlindungan daripada terlibat dengan penipuan cinta dengan menggunakan analisis korelasi bivariante iaitu korelasi Pearson. Berdasarkan Jadual 6, terdapat hubungan yang signifikan antara domain pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dalam kalangan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia iaitu pekali korelasi adalah $r = .30$ dengan aras signifikan di bawah 0.05 ($p < 0.05$). Dalam erti kata lain, pengetahuan dan amalan perlindungan berhubung secara positif, iaitu apabila tahap pengetahuan terhadap penipuan cinta meningkat maka amalan perlindungan yang dilakukan dalam melindungi diri terlibat dengan penipuan cinta juga dikatakan meningkat tetapi kekuatan korelasi dianggap masih lemah ($r = 0.30$). Maka, hipotesis yang diutarakan pada awal kajian diterima.

Jadual 6: Korelasi antara pengetahuan dan amalan perlindungan.

Domain	r
Pengetahuan terhadap penipuan cinta	0.30**
Amalan perlindungan terhadap penipuan cinta	

** $p < .05$

Hipotesis 2

Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan perlindungan berdasarkan sejarah menjadi mangsa penipuan cinta. Ujian-T tidak bersandar dijalankan untuk mengetahui perbezaan tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta berdasarkan sejarah diri menjadi mangsa penipuan cinta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan signifikan antara tahap pengetahuan terhadap penipuan cinta mengikut dua kumpulan responden iaitu kumpulan yang pernah menjadi

mangsa penipuan cinta sebelum ini ($n = 43$) dengan yang tidak pernah menjadi mangsa penipuan cinta sebelum ini ($n = 566$) dengan nilai $t(607) = 9.64$, $p > 0.05$. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak ada perbezaan signifikan terhadap tahap amalan perlindungan terhadap penipuan cinta antara kumpulan responden yang pernah ($n = 43$) dan tidak pernah ($n = 566$) menjadi mangsa penipuan cinta dengan nilai $t(607) = 0.15$, $p > 0.05$. Maka, hipotesis 2 terpaksa ditolak. Dapatan kajian ditabulasikan dalam Jadual 7 dan 8 di bawah.

Jadual 7: Min dan sisihan piawai bagi tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dengan sejarah diri menjadi mangsa penipuan cinta.

Domain	Sejarah menjadi mangsa (n)	Skor min	S.P
Pengetahuan	Ya (43)	72.70	6.93
	Tidak (566)	71.61	7.14
Amalan perlindungan	Ya (43)	104.65	9.39
	Tidak (566)	104.44	9.09

Jadual 8: Perbezaan tahap Pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dengan sejarah diri menjadi mangsa penipuan cinta.

Domain	t	dk	Sig.	Perbezaan min
Pengetahuan	9.64	607	0.34	1.09
Amalan perlindungan	0.15	607	0.88	0.21

*dk = darjah kebebasan

Hipotesis 3

Terdapat perbezaan tahap pengetahuan dengan amalan perlindungan berdasarkan sejarah ahli keluarga/kenalan/rakan menjadi mangsa penipuan cinta. Hasil Ujian-T tidak bersandar juga dijalankan untuk mengetahui perbezaan tahap pengetahuan dan amalan perlindungan berdasarkan sejarah ahli keluarga/kenalan/rakan pernah menjadi mangsa penipuan cinta. Dapatan kajian mendapati adanya perbezaan signifikan untuk domain pengetahuan terhadap penipuan cinta antara kumpulan responden yang ahli keluarga/kenalan/rakan pernah menjadi mangsa ($n = 205$) dengan yang tidak pernah menjadi mangsa ($n = 404$) dengan nilai $t(472.40) = 2.47$, $p < 0.05$ iaitu tahap pengetahuan bagi kumpulan responden pertama (ahli keluarga/kenalan/rakan pernah menjadi mangsa) adalah lebih tinggi (min = 72.63, S.P = 6.34) berbanding dengan kumpulan responden kedua yang tidak ada sejarah mangsa (min = 71.21, S.P = 7.45).

Dapatan ujian-T tidak bersandar juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam tahap amalan perlindungan terhadap penipuan cinta antara kumpulan responden yang mempunyai ahli keluarga/kenalan/rakan yang pernah menjadi mangsa penipuan cinta ($n = 205$) dengan yang tidak pernah ($n = 404$) dengan nilai $t(492.95) = 2.71$, $p < 0.05$ iaitu tahap amalan perlindungan dalam kalangan responden yang mempunyai ahli keluarga/kenalan/rakan sebagai mangsa penipuan cinta adalah lebih tinggi (min = 105.76, S.P = 7.80) berbanding yang tidak pernah menjadi mangsa penipuan cinta (min = 103.79, S.P = 9.64). Justeru, hipotesis ketiga diterima. Jadual 9 dan 10 menunjukkan dapatan analisis ujian-T tidak bersandar untuk domain pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta berdasarkan sejarah ahli keluarga/kenalan/rakan menjadi mangsa penipuan cinta.

Jadual 9: Min dan sisihan piawai bagi pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta berdasarkan sejarah ahli keluarga/kenalan/rakan menjadi mangsa penipuan cinta.

	Responden (n)	Min	S.P
Pengetahuan	Ya (205)	72.63	6.34
	Tidak (404)	71.21	7.45
Amalan perlindungan	Ya (205)	105.76	7.80
	Tidak (404)	103.79	9.64

Jadual 10: Perbezaan tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta berdasarkan sejarah ahli keluarga/kenalan/rakan menjadi mangsa penipuan cinta.

	t	dk	Sig.	Perbezaan min
Pengetahuan	2.47	472.40	0.01	1.43
Amalan perlindungan	2.71	492.95	0.01	1.97

*dk = darjah kebebasan

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan dan Amalan Perlindungan Pengguna Facebook Wanita Terhadap Penipuan Cinta

Button et al. (2014) menggambarkan penipuan cinta siber sebagai satu jenis penipuan komersil yang melibatkan sebuah perhubungan cinta palsu melalui media sosial atau e-mel yang bertujuan semata-mata untuk menipu mangsa. Kerugian dari segi kewangan bukanlah satu-satunya implikasi yang disebabkan oleh jenayah ini, tetapi juga meninggalkan kesan serta trauma psikologi ke atas diri mangsa. Salah satu punca yang menyebabkan seseorang wanita cenderung menjadi mangsa ialah kurangnya tahap pengetahuan serta amalan perlindungan terhadap jenayah ini dalam kalangan pengguna *Facebook* wanita, tidak kira di mana mereka berada.

Domain pengetahuan dalam kajian ini adalah kefahaman sebenar pengguna *Facebook* wanita mengenai jenayah penipuan cinta dari segi makna penipuan cinta itu sendiri, impak yang terhasil daripada jenayah ini serta faktor yang membawa pada jenayah ini berlaku. Dapatan kajian, walau bagaimanapun, menunjukkan tahap pengetahuan terhadap jenayah ini berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan 460 responden (75.53%) daripada 609 responden. Hal ini menunjukkan bahawa maklumat berkaitan jenayah penipuan cinta sudah pun diterima oleh kebanyakan wanita di Malaysia. Ini adalah mungkin disebabkan berita mengenai jenayah yang berlaku ini dipaparkan di media massa dan media cetak.

Tambahan pula, penipuan cinta menjadi tumpuan utama rakyat Malaysia apabila berita mengenai mangsa yang terlibat dengan jenayah ini membuat laporan dan dipaparkan di media massa yang ada serta berita mengenai kejayaan pihak polis menumpaskan sesebuah sindiket penipuan cinta yang bertapak di Malaysia. Kepesatan teknologi dan kemunculan media sosial merupakan antara faktor utama yang meningkatkan pengetahuan wanita mengenai jenayah ini kerana maklumat berkaitan kes ini sama ada yang berlaku di dalam atau luar negara mudah diperolehi dan menjadi tular di dunia tanpa sempadan kini.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap amalan perlindungan terhadap penipuan cinta juga adalah tinggi dalam kalangan majoriti pengguna *Facebook* wanita (n = 546). Tiada seorang pun antara mereka yang tahap amalannya berada pada tahap lemah dan rendah (rujuk Jadual 3). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna *Facebook*

wanita mengambil langkah berjaga-jaga dalam melayari media sosial terutamanya dalam usaha melindungi diri daripada terlibat dengan jenayah ini dengan sangat baik.

Hal ini mungkin disebabkan oleh kesedaran yang wujud dalam diri mengenai keseriusan jenayah ini yang memberi impak negatif kepada yang menjadi mangsa, diketahui berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada media massa. Peringatan kepada diri sendiri untuk tidak mahu turut menjadi mangsa membuatkan wanita ini mengambil langkah proaktif dan lebih berhati-hati dalam melayari laman media sosial kerana jenayah ini dilakukan secara dalam talian menggunakan media sosial yang pelbagai pada hari ini terutamanya *Facebook*.

Hasil Analisis Item Deskriptif

Analisis item deskriptif dianggap satu analisis atau pendekatan yang boleh digunakan untuk memahami persetujuan para responden untuk setiap item dalam sesuatu instrumen. Analisis item juga dapat memberikan input kepada para penyelidik dan pihak berkepentingan untuk menganalisis dan memahami sesuatu aspek pada peringkat mikro. Kajian kriminologi dalam negara (Mohammad Rahim et al., 2016; 2014) juga telah menggunakan pendekatan analisis item untuk pemahaman mikro tentang sesuatu konsep atau tingkah laku yang dikaji.

Berdasarkan analisis item pengetahuan terhadap penipuan cinta, min skor tertinggi dilihat pada item 1, item 12 dan item 2 yang menunjukkan persetujuan tertinggi responden terhadap pernyataan melibatkan penipuan cinta merupakan suatu jenayah siber. Ini memberi kesan negatif kepada emosi mangsa dan banyak berlaku dalam kalangan pengguna media sosial terutamanya *Facebook*. Hal ini menunjukkan bahawa pengguna *Facebook* wanita mempunyai pengetahuan sebenar tentang apakah penipuan cinta itu sebenarnya, kesan jenayah ini kepada mangsa dan mereka sedar bahawa media sosial yang mereka miliki iaitu *Facebook* adalah antara medium yang seringkali digunakan penjenayah untuk menjalankan jenayah ini.

Min skor terendah untuk domain pengetahuan terhadap penipuan cinta pula dilihat pada item 9, item 5 dan item 16 yang menunjukkan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia tidak pasti bahawa kebanyakan penjenayah penipuan cinta terdiri daripada warganegara asing. Hal ini mungkin kerana mereka mempercayai bahawa terdapat penjenayah penipuan cinta yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan mereka juga tidak mempunyai pengetahuan sebenar tentang perkara ini. Hakikatnya, kebanyakan penjenayah cinta siber sebenarnya terdiri daripada warga asing, terutamanya dalam kalangan mereka yang berbangsa Afrika, sehingga penjenayah ini terkenal dengan jolokan 'Si Awang Hitam'. Antara justifikasi di sebalik gelaran yang diberi ialah statistik kes dan jumlah tangkapan penjenayah Afrika yang berjaya dilakukan oleh PDRM dalam tempoh beberapa tahun ini. Malahan, laporan hasil tangkapan penjenayah siber yang dikeluarkan oleh PDRM juga mendapati bahawa kebanyakan jenayah siber (khususnya jenayah cinta siber) adalah didalangi oleh penjenayah berbangsa Afrika. Jadi tidak hairanlah jika gelaran sebegini diberikan kepada mereka. Selain itu, kebanyakan responden tidak pasti adakah Malaysia merupakan negara yang bebas penipuan cinta. Hal ini mungkin kerana mereka tidak ambil tahu tentang kejadian semasa yang berlaku berkaitan jenayah ini yang menyebabkan mereka berada dalam ketidakpastian.

Dari sudut amalan perlindungan terhadap penipuan cinta pula, min skor tertinggi dilihat pada item 18, item 15 dan item 10 iaitu responden mengatakan bahawa mereka tidak akan memberikan maklumat tentang akaun bank dan maklumat berkaitan kepada individu yang baru dikenali di *Facebook*. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak mendedahkan data peribadi kepada individu yang baru dikenali dengan sewenang-wenangnya. Mereka juga tidak akan sesekali meminjamkan atau memberi wang kepada individu yang baharu atau yang tidak dikenali serta tidak mudah mempercayai kata-kata manis seperti cinta dan rindu oleh lelaki yang baru dikenali di alam maya. Hal ini memberi gambaran bahawa ternyata wanita di Malaysia yang melayari media sosial *Facebook* mempunyai suatu benteng yang agak utuh untuk tidak mempercayai individu yang baru dikenali secara sembarangan.

Min skor terendah untuk domain amalan perlindungan pula dilihat pada item 22, item 8 dan item 20 iaitu kebanyakan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia tidak pasti sama ada mereka sentiasa mengikuti berita tentang penipuan cinta di Malaysia atau tidak. Mereka mungkin tidak mengambil tahu tentang berita yang dipaparkan mengenai jenayah ini dan mungkin juga mereka memandang remeh tentang berita yang disiarkan yang tidak begitu menarik perhatian. Para responden juga agak bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka kurang memberitahu keluarga atau rakan terdekat tentang individu yang mencurigakan di laman sosial *Facebook*. Dari segi penetapan privasi akaun media sosial mereka pula, para responden kurang bersetuju dalam menetapkan bahawa hanya individu yang menjadi rakan di *Facebook* sahaja yang boleh mengetahui segala maklumat mengenai mereka di akaun *Facebook*. Amalan perlindungan ini dianggap kurang dalam kalangan responden berbanding amalan lain dalam melindungi diri daripada menjadi mangsa penipuan cinta.

Hubungan Pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap Penipuan Cinta

Ujian korelasi Pearson telah dibuat dan didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta dalam kalangan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia tetapi agak lemah dari segi darjat kekuatan hubungan tersebut. Pengetahuan dan amalan perlindungan berhubungan secara positif, yang membawa makna apabila pengetahuan terhadap penipuan cinta meningkat, maka amalan perlindungan yang dilakukan dalam melindungi diri terlibat dengan penipuan cinta juga meningkat.

Amalan perlindungan sering dikaitkan dengan pengetahuan yang dimiliki tentang sesuatu perkara tersebut, yang membawa maksud apabila seseorang individu mengetahui tentang sesuatu perkara, mereka seharusnya mengamalkan atau mempraktikkan ilmu tersebut. Pujangga pernah mengatakan bahawa ilmu tanpa amal ibarat pohon yang tidak berbuah. Begitu juga jika merujuk salah satu daripada 25 wasiat tokoh tersohor Islam dalam bidang falsafah iaitu Imam al-Ghazali, "ilmu tanpa amal adalah gila dan pada masa yang sama, amalan perlindungan tanpa ilmu merupakan suatu amalan yang sia-sia" (*Utusan Online*, 2004).

Hal ini menunjukkan peri pentingnya pengetahuan yang dimiliki untuk diamalkan dalam kehidupan seharian seterusnya dikongsi bersama untuk kepentingan sejagat. Ilmu jika tidak diamalkan lama kelamaan akan hilang kerana sememangnya fitrah manusia yang mudah lupa. Justeru, dalam konteks pengetahuan terhadap penipuan cinta dalam kalangan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia menunjukkan pengetahuan yang dimiliki seharusnya

mereka amalkan dalam melindungi diri daripada terlibat dengan jenayah ini, iaitu pengetahuan adalah seiring dengan amalan perlindungan yang dilakukan.

Perbezaan Tahap Pengetahuan dan Amalan Perlindungan Dengan Sejarah Diri Menjadi Mangsa

Apabila diri pernah menjadi mangsa kepada sesuatu jenayah, secara fitrahnya seseorang individu akan lebih berhati-hati dalam mengambil tindakan pada masa hadapan. Pengetahuan mengenai jenayah tersebut turut bertambah begitu juga dengan amalan perlindungan yang dilakukan dalam melindungi diri daripada terlibat lagi dengan jenayah tersebut. Tahap pengetahuan dan amalan perlindungan individu yang pernah menjadi mangsa dikatakan berbeza dengan individu yang tidak pernah menjadi mangsa. Justeru, pengkaji menetapkan andaian awal atau hipotesis bahawa terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan amalan perlindungan dengan sejarah diri menjadi mangsa atau tidak pernah menjadi mangsa. Walau bagaimanapun, hasil analisis inferensi menggunakan ujian-T tidak bersandar untuk melihat perbezaan ini menunjukkan sebaliknya.

Ketidakperbezaan signifikan antara tahap pengetahuan sama ada pernah menjadi mangsa penipuan cinta atau tidak pernah menjadi mangsa menunjukkan sesuatu yang di luar jangkaan disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor pertama ialah terdapat kemungkinan bahawa pengetahuan seseorang individu terhadap sesuatu perkara iaitu berkaitan jenayah penipuan cinta bukan disebabkan sesuatu kejadian yang berlaku dalam kehidupan mereka iaitu sama ada pernah menjadi mangsa atau tidak pernah menjadi mangsa. Hal ini membawa maksud keinginan untuk mencari sesuatu ilmu adalah disebabkan faktor dalaman (intrinsik) bukan pula disebabkan faktor luaran (ekstrinsik) seperti peristiwa yang berlaku kepada diri sendiri. Motivasi yang didorong dari dalaman untuk mengambil tahu tentang sesuatu perkara yang disebabkan oleh kesedaran yang wujud dari dalam diri akan lebih memberi kesan yang positif kepada individu tersebut.

Faktor kedua ialah individu mengambil remeh tentang sesuatu perkara yang terjadi dalam hidup mereka kerana menganggap tidak membawa kesan yang sangat besar dalam kehidupan mereka. Tidak perlu juga untuk memperbesarkan kejadian yang berlaku kerana hanya melibatkan diri sendiri, bukan individu lain. Jika dilihat kepada jenayah penipuan cinta, didapati penipuan yang mengaibkan antara penyebab individu yang menjadi mangsa terus mendiamkan diri dan mungkin juga tidak mempunyai kesedaran serta tidak mengambil langkah berjaga-jaga (Button et al., 2014).

Jenayah cinta siber sebenarnya boleh menjadi sangat menyedihkan kerana meninggalkan masalah berganda kepada mangsa. Kesan pertama adalah kehilangan wang dan yang kedua adalah kehilangan hubungan yang melibatkan trauma emosi dan psikologi yang mendalam (Whitty, 2012). Menurut Whitty (2012), sesetengah mangsa berasa sangat sukar melepaskan diri daripada hubungan itu, walaupun mereka sudah diberitahu bahawa perkara itu tidak benar. Sikap acuh tak acuh dan sambil lewa terhadap peristiwa atau kejadian yang berlaku kepada diri sendiri juga mungkin akan membawa pada pengulangan peristiwa atau kejadian akan berlaku lagi kepada diri sendiri dan juga mungkin kepada kenalan rapat yang lain.

Faktor seterusnya dalam konteks amalan perlindungan yang dilakukan semasa melayari laman sosial *Facebook* yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan amalan perlindungan antara individu yang pernah menjadi mangsa atau tidak pernah menjadi mangsa, iaitu jika dilihat dari sudut perspektif yang positif, ini membuktikan bahawa

sebenarnya kebanyakan pengguna *Facebook* wanita di Malaysia sudah mengamalkan dan mempraktikkan langkah yang sesuai dalam melayari laman media sosial sehari-harian. Antaranya ialah mereka tidak akan sesekali memberikan maklumat tentang akaun bank dan maklumat yang berkaitan kepada individu yang baru dikenali di *Facebook*. Mereka telah mempraktikkan satu langkah terbaik, dengan tidak mendedahkan sewenang-wenangnya data peribadi kepada individu yang baru dikenali. Mereka juga tidak akan sesekali meminjamkan atau memberi wang kepada individu yang baru atau tidak dikenali di laman sosial walau apa jua alasannya. Justeru, ini memberi makna bahawa dalam aspek amalan perlindungan atau praktis mengenai sesuatu perkara, tidak terdapat perbezaan bagi individu yang pernah terlibat atau tidak pernah terlibat.

Terdapat kemungkinan bahawa ketidakpenerimaan sokongan sosial atas kejadian yang berlaku pada diri menyebabkan perkara tersebut tidak memberi impak besar kepada diri kerana beranggapan apa-apa perkara buruk yang berlaku kepada dirinya, tiada siapa peduli. Mereka sememangnya sangat memerlukan sokongan sosial daripada insan terdekat supaya mereka mampu bangkit kembali. Ini seterusnya membawa pada kesan penghargaan sendiri mangsa. Tahap penghargaan sendiri mangsa akan menurun berikutan rasa seperti tidak dihargai dan tidak memperoleh kasih sayang serta perhatian. Persepsi terhadap kejadian yang berlaku adalah tiada apa yang boleh dilakukan lagi kerana yang terjadi sudahpun terjadi. Justeru, tiada penambahbaikan dalam amalan perlindungan yang dilakukan.

Perbezaan Tahap Pengetahuan dan Amalan Perlindungan dengan Sejarah Ahli Keluarga/Rakan/Kenalan Menjadi Mangsa

Berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura (1971), pembelajaran berlaku dalam konteks sosial yang melibatkan individu belajar daripada individu lain, termasuklah konsep seperti pembelajaran pemerhatian, imitasi dan permodelan. Pembelajaran terhadap sesuatu perkara akan meningkatkan pengetahuan individu tersebut berdasarkan konsep yang dikemukakan oleh Bandura dan ini termasuk dalam konteks melihat perbezaan tahap pengetahuan penipuan cinta pengguna *Facebook* wanita di Malaysia berdasarkan sejarah ahli keluarga, rakan, atau kenalan yang pernah menjadi mangsa atau tidak pernah menjadi mangsa jenayah ini.

Konsep pembelajaran pemerhatian melibatkan seseorang individu itu belajar tentang sesuatu perkara berdasarkan apa yang dilihat dan diperhati daripada orang lain. Justeru, penyelidik mengandaikan tahap pengetahuan serta amalan perlindungan terhadap penipuan cinta adalah berbeza dalam kalangan pengguna *Facebook* wanita yang mempunyai ahli keluarga, kenalan atau rakan yang pernah menjadi mangsa jenayah ini dengan ahli keluarga, rakan, atau kenalan yang tidak pernah menjadi mangsa.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan begitu juga amalan perlindungan dalam kalangan pengguna *Facebook* wanita yang mempunyai ahli keluarga, rakan, atau kenalan yang pernah menjadi mangsa jenayah penipuan cinta berbanding yang tidak pernah menjadi mangsa. Ini selari dengan hipotesis kajian. Ini menunjukkan apabila sesuatu berlaku kepada individu dalam ruang lingkup sosial, seseorang itu akan lebih memberikan perhatian dan mengambil tahu tentang kejadian tersebut.

Pemerhatian ke atas perkara yang berlaku terutamanya perkara buruk terhadap orang terdekat memberikan suatu nilai kesedaran dalam diri individu. Kesedaran di sini merujuk pengetahuan terhadap sesuatu itu wujud, dan pemahaman terhadap situasi atau subjek pada waktu tersebut berdasarkan maklumat yang diterima atau daripada pengalaman lepas. Individu yang melihat atau memerhati terdapat ada rakan, kenalan atau ahli keluarganya menjadi mangsa penipuan cinta akan sedar dan mempunyai pengetahuan terhadap jenayah ini. Kesedaran yang diperoleh seterusnya membawa kepada peringatan untuk tidak terlibat dengan jenayah ini. Ibarat mengambil pengajaran atau iktibar terhadap apa yang berlaku pada orang lain.

Rasa simpati dan mungkin juga empati yang dirasakan apabila melihat individu terdekat menjadi mangsa jenayah ini seolah-olah seperti terjadi kepada diri sendiri yang akhirnya menanamkan suatu tekad dan azam di dalam diri bahawa apa yang terjadi kepada mereka tidak mungkin terjadi kepada diri sendiri. Bagi menunaikan tekad dan azam yang telah ditanamkan dalam diri, apa yang perlu dilakukan ialah mempraktikkan amalan perlindungan yang betul terutama dalam melayari laman sosial kerana jenayah ini menjalankan sindiket menggunakan laman sosial yang ada untuk mendekati mangsa. Pengalaman lepas individu lain turut menjadi input dalam diri individu untuk bertingkah laku pada masa sekarang dan pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Dapatan kajian yang diperoleh ini menunjukkan kepada pembaca mengenai tahap pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap jenayah penipuan cinta, hubungan antara pengetahuan dan amalan perlindungan serta perbezaan antara tahap pengetahuan dan amalan perlindungan berdasarkan sejarah diri atau sejarah ahli keluarga, rakan, atau kenalan yang pernah atau tidak pernah menjadi mangsa penipuan cinta. Hasil kajian ini memberi makna penting kepada pihak tertentu terutamanya rakyat wanita di Malaysia. Para wanita juga perlu mengambil perhatian lebih serius terhadap perkara ini terutama mereka yang pernah menjadi mangsa dan juga mempraktikkan amalan perlindungan yang lebih baik daripada yang tidak pernah menjadi mangsa kerana jenayah ini mungkin berlaku lagi kepada mereka jika mereka masih bersikap sambil lewa dan acuh tak acuh.

Kajian ini seterusnya menjadi perintis kepada kajian yang berkaitan dengan penipuan cinta di Malaysia. Instrumen soal selidik yang dibangunkan dalam kajian ini mampu membantu dalam pelaksanaan kajian mengenai pengetahuan dan amalan perlindungan terhadap penipuan cinta serta sebagai alat ukuran untuk membandingkan tahap pengetahuan dan amalan perlindungan berdasarkan sosiodemografi agar kita dapat mengetahui kumpulan mana yang lebih rentan terhadap jenayah penipuan cinta ini.

BIODATA

Norazlina Zainal Abidin merupakan graduan bidang Psikologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. Email: azlinazainal@yahoo.com

Mohammad Rahim Kamaluddin merupakan pensyarah kanan (kriminologi) di UKM, Malaysia. Email: rahimk@ukm.edu.my

Azianura Hani Shaari merupakan pensyarah kanan (sosiolinguistik) di UKM, Malaysia. Email: azianura@ukm.edu.my

Norazura Din merupakan pegawai polis (ASP) yang kini menyandang jawatan sebagai ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersial di Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang. Email: afrinasuha@gmail.com

Saravanan Ramasamy ialah seorang pegawai polis (DSP) yang kini berkhidmat di Bahagian Siasatan Kewangan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia. Email: sara190672@gmail.com

RUJUKAN

- Ali Salman & Siti Minanda Pulungan. (2017). Pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan Facebook dalam menjalin persahabatan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 438-459.
- Astro Awani. (2016, September 14). Wanita dilanda krisis rumah tangga cenderung jadi mangsa 'penipuan cinta'. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dilanda-krisis-rumah-tangga-cenderung-jadi-mangsa-love-scam-116710>
- Azianura Hani Shaari, Yeap Yoke Peng, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2018). *Jenayah cinta siber*. Bangi, Malaysia: Penerbit UKM.
- Bandura, A. (1971). *Social learning theory*. New York: General Learning Press.
- Button, M., Nicholls, C. M., Kerr, J., & Owen, R. (2014). Online frauds: Learning from victims why they fall for these scams. *Journal of Criminology*, 1–18.
- Cambridge Advanced Learners' Dictionary*. (2008). Cambridge: Cambridge University Press.
- Collins, F. M. (2014). The relationship between social media and empathy (Master thesis, College of Graduate Studies, Georgia Southern University). Retrieved from <https://digitalcommons.georgiasouthern.edu/cgi/viewcontent.cgi?referer=http://scholar.google.com.my/&httpsredir=1&article=2189&context=etd> Georgia Southern University
- Couch, D., Liamputong, P., & Pitts, M. (2012). What are the real and perceived risks and dangers of online dating? Perspectives from online daters. *Health, Risk & Society*, 14(7-8), 697-714.
- Dharmalingam, T. K., Mohammad Rahim Kamaluddin, & Hassan, S. K. (2016). Factorial validation and psychometric properties of establishment of Malay version critical care family need inventory. *The International Medical Journal of Malaysia*, 15(1), 51-60.
- Internet Crime Complaint Center*. (2012). 2011 Internet Crime Report. Retrieved from http://www.ic3.gov/media/annualreport/2011_IC3Report.pdf
- Mohammad Rahim Kamaluddin, & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2017). *Teknik kesahan dan kebolehpercayaan alat ujian psikologi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Azizah Othman, Khaidzir Hj Ismail, & Geshina Ayu Mat Saat. (2016). Aggression profiles of incarcerated Malaysian male murderers. *Akademika*, 86(2), 137-147.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Mohd Sharif, & Geshina Ayu Mat Saat. (2013a). A validity study of Malay translated Zuckerman-Kuhlman personality questionnaire cross-cultural 50 items (ZKPQ-50-CC). *Health Environ Journal*, 4, 37-52.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Mohd Sharif, & Geshina Ayu Mat Saat. (2013b). A unidimensional scale for self-control within Malaysian settings. *Educ Med Journal*, 5, 60-66.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Mohd Sharif, Azizah Othman, & Geshina Ayu Mat Saat. (2013c). Factorial validation of "How I Think" questionnaire among male inmates in Malaysia. *Malays J Psychiatry*, 22, 19-31.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Mohd Sharif, Nurul Hazrina Mazlan, Azizah Othman, Khaidzir Hj Ismail, & Geshina Ayu Mat Saat. (2014). Personality profiles of Malaysian male prisoners convicted of murder. *The Malaysian Journal of Psychiatry*, 23(1), 4 -16.

- Mohammad Rahim Kamaluddin, Rohany Nasir, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Rozainee Khairudin, & Zainah Ahmad Zamani. (2017). Validity and psychometric properties of Malay translated religious orientation scale-revised among Malaysian adult samples. *Akademika*, 87(2), 133-144.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Rohany Nasir, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Sarah Waheeda Muhammad Hafidz, Janetter Marcial@Nur Atiqah Abdullah, Rozainee Khairudin, & Zainah Ahmad Zamani. (2018). Validity and reliability of Malay version financial well-being scale among Malaysian employees. *Akademika*, 88(2), 109 – 120.
- Natascha Zeitel-Bank & Ute Tat. (2014). Social media and its effects on individuals and social systems. *Human Capital without Borders: Knowledge and Learning for Quality of Life. Proceedings of the Management, Knowledge and Learning International Conference 2014*, ToKnowPress.
- Portal Rasmi Polis Diraja Malaysia*. (2015). Penipuan cinta. Retrieved from <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2014/08/27/love-scam>
- Saadah Wok, Junaidah Hashim, & Kalthom Abdullah. (2016). Social media influence on Malay family resilience towards challenges of the Internet. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 648-669.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach* (5th ed.). Chichester: John Willey & Sons Ltd.
- Sternberg, R. J. (1995). Love as a story. *Journal of Social and Personal Relationships*, 12(4), 541-546.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman, & Mohd. Sabri Mamat. (2009). Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31-50.
- The Conversation*. (2014, December 11). Love hurts: The costly reality of online romance fraud. Retrieved from <https://theconversation.com/love-hurts-the-costly-reality-of-online-romance-fraud-35263>
- Utusan Online*. (2004, August 6). Ilmu tanpa amal dan amalan tanpa ilmu. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0806&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_05.htm
- Whitty, M. T. (2012). Anatomy of the online dating romance scam. *Security Journal*, 28(4), 443-455.
- Whitty, M. T., & Buchanan, T. (2015). The online dating romance scam: The psychological impact on victims—both financial and non-financial. *Criminology & Criminal Justice*, 1–19.